



جابتن حال إحوال إكّام إسلام قولوا قينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**IKHLAS DALAM DUNIA
PENUH PUJIAN**



Tarikh Bacaan:
9 JANUARI 2026M / 19 REJAB 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang

- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)

- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun

- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang

- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia

- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah

- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Ikhlas Dalam Dunia Penuh Pujian

9 Januari 2026M/ 19 Rejab 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ﴿٢﴾

(سورة الزمر: 2)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ

خَيْرٌ وَأَبْقَى.

PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri sendiri dan kepada sidang jemaah sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan ketaatan yang sebenar-benarnya. Sesungguhnya ketakwaanlah yang menjadi penentu kebahagiaan dan keberkatan hidup di dunia mahupun di akhirat.

Sebelum khutbah ini diteruskan, khatib menegaskan sekali lagi adab mendengar khutbah wajib dipelihara. Jangan bermain telefon bimbit, jangan berbual dan jangan tidur dengan sengaja. Perbuatan ini akan mengurangkan pahala dan menafikan tujuan kita hadir ke rumah Allah yang mulia ini.



Khutbah pada minggu ini membawa satu tajuk dan peringatan yang sangat penting iaitu: **“Ikhlas Dalam Dunia Penuh Pujian.”**

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Kita kini hidup dalam era media sosial yang rancak dengan pelbagai perkongsian. Ia telah menjadi budaya yang merentas generasi. Tua atau muda, dewasa mahupun kanak-kanak, semua terlibat. Segala bentuk kebaikan, hatta ibadah harian seperti solat, sedekah dan bacaan al-Quran dikongsi secara terbuka di platform *Tiktok, Instagram, Facebook* dan lain-lain.

Perkongsian ini ada yang dilakukan dengan niat yang baik, untuk mengajak orang lain turut melakukan kebaikan. Namun, ia juga boleh menjadi fitnah kepada keikhlasan apabila hati mula cenderung kepada pujian, *‘like’* dan *‘share’*. Rasulullah ﷺ mengingatkan bahawa pada hari ahirat nanti, akan ada golongan yang melakukan amal kebaikan namun tidak diterima oleh Allah ﷻ kerana amal itu dilakukan untuk dipuji manusia, bukan kerana-Nya.

Baginda menceritakan bahawa Allah akan berfirman kepada mereka:

“Engkau telah melakukan amalan itu supaya dikatakan engkau seorang yang berani, atau engkau seorang yang alim, atau engkau seorang yang dermawan. Dan sesungguhnya telah pun dikatakan demikian di dunia. Lalu mereka menjadi golongan yang pertama dihumbankan ke dalam neraka pada hari pembalasan.” (Hadis Riwayat Muslim)

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Amal yang mencari pujian manusia hanya akan terhenti di dunia. Namun amal yang dilakukan kerana Allah akan dibawa hingga ke akhirat. Oleh itu, sebelum kita menekan butang *post* atau *upload*, tanyalah hati dan iman kita sendiri, “Adakah amalan ini kerana Allah atau kerana manusia?”

Jika ia dilakukan kerana Allah, maka amalan itu tetap bernilai walaupun tiada seorang pun yang mengetahuinya. Namun, jika hati mula cenderung kepada sanjungan, pujian dan perhatian manusia, ketahuilah bahawa itu adalah racun yang menghapuskan pahala seluruh amalan. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* telah mengingatkan kita dengan firman-Nya dalam surah Hud, ayat 15-16:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَلَهُمْ فِيهَا
وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ ﴿١٥﴾ أُولَئِكَ الَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّارُ وَحِطَّ مَا صَنَعُوا
فِيهَا وَبَطِلَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang menginginkan kehidupan dunia dengan segala kemewahannya, nescaya Kami berikan kepada mereka semuanya dengan sempurna di dunia ini, dan mereka tidak dirugikan sedikitpun. Merekalah itulah orang yang tidak memperoleh apa-apa di akhirat nanti kecuali azab neraka. Maka sia-sialah apa-apa sahaja usaha mereka di sana (akhirat nanti) dan lenyaplah apa-apa jua yang telah dilakukan oleh mereka di dunia.”

Amal yang Ikhlas tidak memerlukan perhatian manusia. Cukuplah Allah sebagai saksi. Ia bagaikan mutiara yang tersimpan di dasar laut, tetap bernilai walaupun tidak dipamerkan kepada sesiapa.

HADIRIN SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Mengapa keikhlasan begitu mudah tercemar? Kerana penyakit hati itu sangat halus dan tersembunyi. Riak, ujub dan sum'ah tidak memerlukan lafaz di lidah atau perbuatan secara nyata. Amal yang selama ini kita fikir membawa pahala, hilang nilainya sekelip mata sahaja apabila hati cenderung kepada pujian manusia.

Justeru, bagi membantu kita menyuburkan keikhlasan dalam diri, mimbar mencadangkan tiga langkah praktikal berikut:

Pertama: Sembunyikan sebahagian amalan kita daripada pengetahuan manusia. Mulakan dengan melaksanakan satu amal rahsia setiap hari walaupun sekecil-kecil zikir, sedekah atau doa yang tiada siapa pun tahu melainkan Allah.

Kedua: Kurangkan pergantungan kepada pujian manusia. Apabila hati mula rasa seronok dan rasa puas apabila dipuji. Istighfarlah dengan segera.

Ketiga: Sentiasa memperbaharui ingatan kepada akhirat. Orang yang mengingati hari pertemuan dengan Allah, akan menjadi lebih mudah menolak tarikan dunia, populariti dan perhatian manusia.

Ingatlah, Ikhlas adalah perjuangan hati secara berterusan menentang hawa nafsu, menepis godaan pujian dan menundukkan ego diri. Tujuannya hanya satu iaitu, menggapai redha Tuhan Yang Maha Tinggi.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebelum mengakhiri khutbah, berikut beberapa kesimpulan untuk renungan bersama:

Pertama: Ikhlas merupakan asas penerimaan amal. Amalan yang dilakukan untuk mencari pujian manusia akan terhapus pahalanya.

Kedua: Budaya memamerkan kebaikan melalui media sosial menjerumuskan kita ke dalam riak tanpa sedar.

Ketiga: Keikhlasan perlu dibina melalui mujahadah dan latihan hati.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah al-Kahfi ayat 110:

... فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ ۗ أَحَدًا ﴿١١٠﴾

Maksudnya: “..sesiapa yang mengharap perjumpaan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia melakukan amalan soleh dan janganlah dia mempersekutukan dengan sesuatu pun dalam beribadat kepada Tuhannya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankukasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa Hukum Menggerakkan Tabung Kutipan Derma/ Sumbangan Ketika Khutbah Jumaat berlangsung adalah **makruh**. Dinasihatkan agar menggerakkan tabung kutipan sebelum khutbah Jumaat atau selepas solat Jumaat.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
العَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةً فُؤَلَاوِ فَيَنْعَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقِ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri

Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG